



**Muhyiddin sambil diperhatikan Zulkifli dan Mohd Na'im (kanan) merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020 di Sepang, semalam.** (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

# Lonjak imej institusi kehakiman syariah

Kerajaan PN komited terus sokong usaha penambahbaikan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Sepang:** Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan Perikatan Nasional (PN) komited dalam menyokong usaha yang menyumbang ke arah meninggikan martabat institusi kehakiman dan perundangan syariah di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, ia termasuk melakukan penambahbaikan secara berterusan terhadap bidang kuasa mahkamah syariah, perjawatan hakim syarie dan profesionalisme pegawai mahkamah dari semasa ke semasa.

Beliau percaya penambahbaikan secara berterusan dapat melonjakkan imej institusi kehakiman dan perundangan syariah dalam menangani kes yang semakin kompleks dan mencabar serta memenuhi keperluan masyarakat Islam secara keseluruhannya.

"Mahkamah syariah adalah institusi kehakiman dan perundangan syariah yang mendokong syiar Islam akan terus dipertahan serta diperkasakan dari semasa ke semasa.

"Pada peringkat serantau, saya berharap Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mengambil inisiatif mewujudkan suatu forum yang berperanan sebagai medium pertukaran maklumat dan amalan terbaik institusi kehakiman syariah yang boleh di-

kongsi dengan negara serantau seperti Brunei, Singapura dan Indonesia.

"Melalui forum ini, perbincangan ilmiah mengenai fungsi Maqasid Syariah di negara serantau dapat diadakan secara berterusan dalam membantu kerajaan dan pihak berkuasa agama negeri mendapatkan penjelasan berhubung isu syarak yang kadangkala agak rumit untuk ditangani secara bersendirian," katanya ketika merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Ketua Pengarah dan Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Program itu turut disertai secara dalam talian oleh Ketua Hakim Syar'ie Negara Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Datuk Paduka

*Mahkamah syariah adalah institusi kehakiman dan perundangan syariah yang mendokong syiar Islam akan terus dipertahan serta diperkasakan dari semasa ke semasa.*

**Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri**

Seri Setia Awang Salim Besar; Presiden Kanan (Mahkamah Syariah) Singapura, Alfian Yasrif Kuchit dan Ketua Kamar Agama Mahkamah Agung Republik Indonesia, Dr Drs Amran Suadi.

Muhyiddin berkata, pada masa sama, beliau menyedari tugas dan tanggungjawab hakim syarie serta pegawai syariah amat berat dalam menegakkan hukum berlandaskan syariat Islam.

Bagaimanapun, beliau berkata, semua pegawai mahkamah syariah itu hendaklah menyempurnakan tugas yang diamanahkan dengan penuh sabar, ikhlas dan berintegriti.

"Insya-Allah, setiap tugas dan amanah dilaksanakan dengan penuh wibawa dan berintegriti akan sentiasa dipandang mulia masyarakat dan diberkati Allah SWT," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, seperti institusi lain, pentadbiran mahkamah syariah adalah antara yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di negara ini sejak Mac lalu, dalam usaha mengkang penularan COVID-19.

Beliau berkata, ia termasuk penutupan mahkamah yang memerlukan sistem kehakiman berfungsi dalam keadaan norma baharu seperti pelaksanaan urusan mahkamah menerusi sistem dalam talian.

Katanya, dalam konteks itu, penggunaan teknologi baharu mestilah diberikan keutamaan oleh pentadbiran mahkamah syariah.

"Pada hemat saya, pengalaman yang kita peroleh daripada episod pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa penggunaan teknologi adalah satu kewajipan," katanya.